



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU
MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAWIP RESIDENSI PANDANMAS 2**

25 APRIL 2018 (RABU) | 1.00 TENGAH HARI

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

**(*Senarai Salutasi akan diselaraskan kemudian oleh
Penganjur*)**

**Yang Berhormat Dato' Dr. Loga Bala Mohan,
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**

**Yang Berbahagia Datuk Seri Adnan Bin Haji Md Ikshan,
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan**

**Yang Berbahagia Tan Sri Hj. Mhd. Amin Nordin Bin Abd. Aziz,
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Chai King Kong,
Pengerusi Kumpulan Aset Kayamas Sdn Bhd**

Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi,

Rakan-Rakan Media,

**Datuk Seri, Datuk- Datuk ,Tuan-tuan, Puan-Puan dan
seterusnya Pembeli-Pembeli RUMAWIP Residensi Razakmas
yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Syarikat Aset Kayamas Sdn Bhd yang menjemput saya untuk merasmikan majlis penyerahan kunci ini.
3. Jika diimbas kembali pada 22 Oktober 2014, saya telah melancarkan pembangunan projek ini dan hari ini, saya kembali lagi untuk menyempurnakan siapnya projek RUMAWIP ini untuk diserahkan kepada pembeli yang bertuah.

4. Bagi suku pertama tahun ini sahaja saya telah melancarkan empat (4) majlis penyerahan kunci projek RUMAWIP dan kesemua projek ini merupakan projek yang dimajukan oleh Aset Kayamas.
5. Ternyata apa yang dijanjikan telah dapat kita kotakan. Ini menunjukkan bahawa program RUMAWIP yang kita laksanakan ini semakin membawa hasil yang diharapkan. Syabas kepada Aset Kayamas kerana sekali lagi telah berjaya menepati jangkaan bagi menyediakan kediaman mampu milik kepada golongan yang memerlukan.
6. Untuk makluman pihak tuan-tuan dan puan-puan, projek ini merupakan projek kelima RUMAWIP yang berjaya disiapkan pihak pemaju selepas Residensi Pandanmas (25 April 2017), Residensi Sentulmas (6 Januari 2018), Residensi Puchongmas (25 Mac 2018) dan Residensi Razakmas (14 April 2018). Aset Kayamas juga merupakan pemaju yang bertanggungjawab membangunkan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Bukit Jalil yang mana penyerahan kunci projek ini juga telah dilakukan pada 6 Februari 2018 yang lalu.

7. Saya gembira apabila projek ini berjaya disiapkan pemaju dalam tempoh dua puluh satu bulan lebih awal sejak pembinaannya yang dimulakan pada tahun 2014. Faktor perancangan pembangunan yang efektif daripada pemaju bersama kontraktor serta sinergi yang baik bersama agensi-agensi kerajaan dan juga penduduk setempat menjadi pemangkin kepada projek ini dapat disiapkan lebih awal.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Diraikan,

8. Kumpulan Aset Kayamas melalui syarikat bersekutunya iaitu Faber Vista Sdn Bhd telah diberi kepercayaan untuk membangunkan projek RUMAWIP Residensi Pandanmas 2 ini di atas tanah berkeluasan 8.72 ekar. Projek ini boleh dikatakan sebagai projek fasa kedua selepas projek Residensi Pandanmas yang terletak bersebelahan, dengan menawarkan sebanyak 1,920 unit kediaman pada harga RM300,000. Setiap unit mempunyai tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air dengan keluasan 900 kaki persegi dan satu (1) petak tempat letak kereta berbumbung.
9. Harga yang ditawarkan ini sememangnya di bawah harga pasaran dengan kemudahan infrastruktur asas bertaraf kondominium untuk kegunaan penghuni. Justeru, tuan-tuan

dan puan-puan, pembeli projek ini sebenarnya amat bertuah kerana kediaman ini sebenarnya mempunyai nilai yang jauh lebih tinggi daripada harga yang dibeli.

10. Dengan reputasi dan rekod Aset Kayamas ini, saya yakin pembangunan Residensi Pandanmas 2 ini berjalan dengan lancar dan sempurna seterusnya menepati sasaran RUMAWIP untuk menyediakan kediaman selesa khususnya bagi tuan-tuan dan puan-puan para pembeli Residensi Pandanmas 2 ini.
11. Sehingga kini sebanyak 16 projek RUMAWIP yang melibatkan 13,443 unit telah disumbangkan oleh pihak pemaju. Lima (5) projek daripadanya telah berjaya disiapkan sebagaimana yang telah saya maklum dan tuan puan saksikan pada hari ini.
12. Komitmen yang diberikan pihak pemaju dalam pembangunan RUMAWIP boleh dijadikan contoh dalam merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk menyediakan perumahan mampu milik untuk semua warga Wilayah Persekutuan.
13. Saya juga amat berbesar hati kerana Aset Kayamas berjaya membina sebuah lagi projek RUMAWIP dengan harga

mampu milik tetapi masih mencekalkan ciri-ciri dan spesifikasi rumah yang selesa, kualiti dan praktikal.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Diraikan,

14. Melalui pembangunan Residensi Pandanmas 2 ini juga, kita telah mensyaratkan supaya penduduk yang terkesan di atas tapak ini dahulunya diberikan penempatan semula dengan kediaman yang lebih baik dari aspek kebersihan, kemudahan dan infrastrukturnya.
15. Oleh itu, pemaju perlu dalam masa yang sama membangunkan kediaman pada harga serendah RM42,000 seunit yang dinamakan Pangsapuri Pandanmas 2. Dengan jumlah unit keseluruhan sebanyak 300 unit berkeluasan 800 kaki persegi, penduduk yang terkesan, majoritinya kaum India telah ditawarkan dengan skim pinjaman khusus daripada Yayasan Wilayah Persekutuan. Melalui skim pinjaman ini, penduduk yang terkesan ini, akan diberi pinjaman sebanyak 90% termasuk kos-kos pelbagai sebanyak RM4,560 merangkumi insurans, kos guaman, kos pindahmilik dan lain-lain. Langkah ini membantu memudahkan urusan pembeli yang mungkin sukar menyediakan kos-kos pembelian

tersebut. Dalam hal ini, jumlah pembiayaan yang diberikan adalah sebanyak RM42,360 dan pembeli dapat memiliki kediaman yang disediakan tersebut pada harga yang amat rendah.

16. Jika dilihat kepada spesifikasi projek Pangsapuri Pandanmas 2 tersebut, sebenarnya ianya tidak kalah jika dibandingkan dengan projek RUMAWIP yang ditawarkan pada harga antara RM198,000 hingga RM300,000 yang lain. Justeru, semua penduduk yang ditawarkan sebenarnya telah membeli kediaman yang mempunyai nilai pasaran berkali ganda berbanding harga yang dibeli.
17. Untuk itu, saya ucapkan terima kasih kepada pihak Yayasan Wilayah Persekutuan, kerana membantu kerajaan melalui penyediaan skim pinjaman tersebut. Hari ini tuan-tuan dan puan-puan boleh saksikan sendiri kedua-dua projek Residensi Pandanmas 2 dan Pangsapuri Pandanmas 2 tersebut telah disiapkan serentak dan boleh diduduki dalam waktu terdekat.
18. Apa yang boleh saya tekankan di sini adalah kesemua pelaksanaan projek tersebut dijayakan tanpa melibatkan sebarang peruntukan daripada Kerajaan. Program

RUMAWIP ini menjadi bukti yang jelas bahawa usahasama antara kerajaan dan pihak swasta ini mampu dilaksanakan tanpa penglibatan dana daripada kerajaan yang sekaligus membantu penjimatan yang amat signifikan. Diakhirnya rakyat juga mendapat manfaat yang amat besar.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

19. Sepertimana yang telah saya umumkan sebelum ini, pencapaian RUMAWIP telah berjaya melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sehingga April 2018, kita telah berjaya mencapai sebanyak **89,120 unit** atau **111%** daripada sasaran keseluruhan 80,000 unit yang ditetapkan menjelang tahun 2020 merangkumi projek di bawah kategori “Siap”, “Dalam Pembinaan” dan “Kelulusan Perintah Pembangunan”. Pembangunan RUMAWIP ini melibatkan 124 buah projek yang telah diluluskan di Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 12,701 unit melibatkan 18 projek telah siap dibina dan sedia untuk diduduki.
20. Kepada mereka yang berminat untuk membeli kediaman RUMAWIP, segeralah berdaftar di portal rasmi RUMAWIP. Terdapat banyak lagi projek-projek RUMAWIP lain yang

masih dibuka untuk jualan. Rebutlah peluang keemasan ini sementara Kerajaan masih menyediakan kediaman mampu milik di ibu kota ini.

21. Sebagai penutup kata, sekali lagi saya ucapkan sekalung tahniah kepada Aset Kayamas Sdn Bhd serta pihak KWP, DBKL dan semua pihak yang terlibat atas usaha yang digembleng secara bersama dalam menjayakan projek pembangunan RUMAWIP Residensi Pandanmas 2 ini.

Akhir kata, saya dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran dan Penyerahan Kunci RUMAWIP Residensi Pandanmas 2.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.